

05/08/2003

Hadiah Malik kepada negara

Zairee Zahir

DOVER (England): Perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin semalam menghadihkan kejayaannya menakluk Selat Inggeris kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta seluruh rakyat Malaysia yang menaruh keyakinan dan mendoakan usahanya itu.

Abdul Malik berkata, Perdana Menteri yang menjadi penyokong nombor satu serta Penaung Sekretariat Cabaran Selat Inggeris, sering memberi kata-kata perangsang dan dorongan, bermula sejak beliau menemuinya bagi mendapatkan sokongan, tahun lalu.

"Saya hadiahkan kejayaan ini kepada Dr Mahathir dan seluruh rakyat Malaysia. Tanpa sokongan padu beliau dan rakyat Malaysia, usaha saya ini tidak akan menjadi kenyataan," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Beliau berkata, Dr Mahathir menelefonnya untuk mengucapkan tahniah pada jam 1 pagi waktu tempatan (8 pagi waktu Malaysia) semalam.

"Dr Mahathir mengucapkan tahniah dan menasihatkan saya supaya berehat kerana usaha merentasi Selat Inggeris banyak menghabiskan tenaga serta menguji ketahanan mental.

"Suara Perdana Menteri kedengaran cukup seronok dan ia melonjakkan kembali semangat saya," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri menghantar surat ucapan selamat maju jaya kepada Abdul Malik dua kali selain menghubunginya pada jam 1.36 pagi waktu tempatan, kira-kira setengah jam sebelum beliau memulakan renangan.

Dr Mahathir turut menghubungi menerusi pengurus Abdul Malik, Rahayu Ahmad, ketika perenang itu berada di tengah Selat Inggeris.

"Kini saya rasa gembira, lega dan seronok selepas mengharungi tempoh dua minggu yang tidak menentu apabila beberapa kali jadual renangan terpaksa ditangguh," kata Abdul Malik.

Beliau menempa sejarah tersendiri apabila menjadi rakyat Malaysia pertama dan keempat dari Asia menakluk Selat Inggeris yang mencabar dan berprestij dalam kalendar renang maraton antarabangsa sejak tradisinya dimulakan Kapten Matthew Webb pada 1875.

Abdul Malik yang memulakan renangan dari Abbot Cliff di Dover awal pagi kelmarin, menamatkannya di pantai Wissant, Calais, Perancis dalam tempoh 17 jam 35 minit - selepas terpaksa mengubah tempat bermula renangan dan mendarat berikutan keadaan perairan yang di luar jangkaan.

Mengikut perancangan asal, Abdul Malik sepatutnya memulakan renangannya 23 Julai lalu dari Shakespeare Beach di Dover ke Cap Fris Nez di Calais tetapi terpaksa menundanya beberapa kali selepas keadaan cuaca tidak menentu di perairan Selat Inggeris.

Biarpun berenang dengan baik, Abdul Malik terpaksa mengambil `jalan jauh' ketika menghampiri pantai kerana keadaan laut yang begitu bergelora dan angin kencang sehingga beberapa kali beliau kelihatan seperti hilang arah.

Begitupun, tepat jam 7.50 petang atau 2.50 pagi waktu Malaysia, Abdul Malik akhirnya menjejakkan kakinya di pantai Wissant sambil disambut penyokong dengan Jalur Gemilang, diketuai Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom, Datuk Kamaruddin Mohd Noor.

Mengenai rancangannya selepas ini, Abdul Malik berkata, beliau bercadang berehat selama dua bulan sebelum mengumumkan sesuatu.

"Jika Perdana Menteri bersetuju untuk terus menjadi penaung, saya akan umumkan sesuatu di Kuala Lumpur nanti," katanya sambil menekankan beliau

turut terhutang budi kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein kerana sentiasa memberi sokongan dan menelefonnya sebaik menjejakkan kaki di pantai Wissant, Calais.